

Cabaran taska bahasa Iranun dalam usaha melestarikan bahasa ibunda

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran taska bahasa Iranun di Kampung Payas-Payas dan Kampung Rampayan Laut, Kota Belud Sabah dalam usaha melestarikan bahasa Iranun kepada kanak-kanak seawal usia 3 hingga 5 tahun dengan penubuhan taska bahasa Iranun. Kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan, temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian turut serta telah digunakan untuk mendapatkan data di kawasan kajian. Seramai empat orang responden telah ditemu bual untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh taska bahasa Iranun dalam usaha untuk memelihara bahasa Iranun daripada terus pupus. Dapatan kajian menunjukkan bahawa taska bahasa Iranun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Cabaran yang paling besar adalah untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa etnik Iranun tentang kepentingan memelihara bahasa etnik mereka. Faktor rakan sebaya juga mempengaruhi kanak-kanak ini untuk terus menggunakan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi ketika berinteraksi dengan rakan-rakan mereka. Meskipun berhadapan dengan kekangan kewangan bagi memastikan kelangsungan taska ini, namun etnik Iranun di bawah Persatuan Bahasa dan Kebudayaan Iranun (BKI) tetap yakin bahawa taska ini mampu bertahan dan berusaha untuk menjadikan bahasa Iranun sebagai silibus dalam kurikulum di peringkat prasekolah. Kajian ini diharap dapat memberi suatu gambaran yang menyeluruh tentang cabaran taska bahasa Iranun dalam usaha melestarikan bahasa Iranun daripada terus pupus. Cabaran-cabaran yang telah dikenal pasti diharap dapat menyedarkan etnik Iranun untuk terus memperkasakan bahasa ibunda mereka agar bahasa mereka tidak pupus ditelan zaman.